

SST/10/19 m/s 36

Rakyat Kelantan tidak terpinggir

**Kerajaan
peruntuk RM369
juta untuk
pembangunan
di negeri itu**

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

Rakyat Kelantan tidak terpinggir dan akan terus menikmati pembangunan infrastruktur berimpak tinggi menerusi peruntukkan RM369 juta oleh kerajaan Persekutuan di bawah pelaksanaan Kementerian Kerja Raya.

Menteri Kerja Raya, Baru Bian berkata, kementerian memberi jaminan akan melaksanakan semua projek pembangunan infrastruktur yang sudah diran-

cang sebelum ini.

Menurutnya, perkara itu sekali gus menepis dakwaan negeri itu terpinggir daripada projek yang dimajukan kerajaan.

"Projek-projek infrastruktur di bawah Kementerian Kerja Raya melibatkan pembinaan jalan baharu, hospital dan sebagainya akan dilakukan bagi kesejahteraan rakyat di negeri ini.

"Ini hasrat kerajaan (Pakatan Harapan) yang mahu melaksanakan pembangunan demi memberi manfaat kepada semua," katanya.

Beliau berkata demikian, selepas merasmikan Majlis Pembukaan Projek Lebuhraya dari Kota Bharu-Kuala Krai, Kelantan bagi Pakej 2A: Kadok ke Ketereh di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Mohd Radzi Jidin.



Baru (tengah) melepaskan belon sebagai simbolik perasmian pembukaan Pakej 2A: Kadok-Ketereh Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai semalam.

Baru berkata, sebanyak RM369 juta daripada keseluruhan RM5.7 bilion itu diperuntukkan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

"Sebanyak RM44.4 juta diperuntukkan pada tahun

2019 bagi menyelenggara 1,366 kilometer jalan persekutuan sedia ada di Kelantan iaitu RM15.8 juta bagi penyelenggaraan rutin dan RM28.6 juta bagi penyelenggaraan berkala.

"Tanggungjawab kera-

jaan Persekutuan juga tidak terhad kepada pembinaan atau naik taraf jalan sahaja malah perlu memberi keselamatan dan keselamatan pengguna," katanya.

Berhubung Projek Lebuhraya dari Kota Bharu-

Kuala Krai, Baru berkata, projek lebuhraya sepanjang 61.4 kilometer (km) itu akan disiapkan mengikut jadual.

"Projek ini dilaksanakan secara berperingkat bermula pada RMK10 dan dibahagikan kepada tiga pakej utama dengan keutamaan pelaksanaan bagi pakej 1B, 2A, 2B, 2C dan 3A dari Pasir Hor-Bukit Tiu, Machang dengan kos sebanyak RM1.45 bilion.

"Jajaran pakej 1B dari Pasir Hor-Kadok sepanjang 7 kilometer (km) siap dibuka pada Ogos 2018 manakala pakej 2A dari Kadok-Ketereh sepanjang 6.58 km dirasmikan pembukaannya hari ini (semalam)," katanya.

Beliau berkata, jajaran yang sedang dalam pembinaan pula ialah pakej 2B dari Ketereh-Kok Lanas sepanjang 6.2 km yang akan siap pada November tahun depan.